

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
DEWAN WISMA PANDU PUTERI JALAN PANTAI BARU, KUALA LUMPUR  
PERSATUAN PANDU PUTERI MALAYSIA  
06 MEI 1995**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat pagi para hadirin sekalian.

1. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada para wartawan daripada media cetak dan media elektronik serta semua yang sudi hadir pada pagi ini.

2. Sidang akhbar pada pagi ini adalah untuk memberi sedikit makluman mengenai satu persembahan melodrama anjuran Pandu Puteri yang akan diadakan pada bulan depan.

3. Kelab Renjer Persatuan Pandu Puteri Malaysia adalah terdiri daripada kaum wanita sama ada telah meninggalkan alam persekolahan, masih bekerja ataupun suri-rumah yang masih berminat dengan kegiatan-kegiatan Pandu Puteri kerana mahu memberikan khidmat kepada masyarakat melalui kegiatan persatuan ini.

4. Pada amnya ahli-ahli kelab ini berumur 17 tahun ke atas. Bagaimanapun, Kelab Persatuan ini adalah dalam proses menambahkan ahli-ahlinya dengan mempelawa lebih ramai lepasan sekolah untuk menjadi ahli.

5. Beberapa program kini sedang dirancang khususnya untuk mereka yang lepasan sekolah dan suri rumah. Oleh sebab itulah Kelab ini memerlukan wang untuk membiayai kegiatan-kegiatan yang sedang diatitkan ini.

6. Dalam usaha untuk mengisi tabung kewangan persatuan kami, Kelab Renjer Persatuan Pandu Puteri Malaysia akan menganjurkan Persembahan Melodrama yang berjudul "The Inspiration" hasil karya Olave Lady Baden Powell.

7. Matlamat Kelab Pandu Puteri ialah :

- ❖ Melahirkan masyarakat belia yang bersatu padu, berdisiplin, berakhlak tinggi dan bergerak maju;
- ❖ Melahirkan satu masyarakat yang sihat dan cergas;
- ❖ Mengekalkan kekayaan nilai-nilai moral dan etika yang ada pada masyarakat kita sesuai dengan pembangunan ekonomi dan sosial;
- ❖ Menggalakkan intergerasi di kalangan belia daripada pelbagai kaum dan peringkat masyarakat;

8. Persembahan Melodrama ini adalah bertemakan Kasih Sayang (Love), Keamanan (Peace) dan Harmoni (Harmony). Persembahan yang berkonsepkan opera ini akan diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur selama dua hari yang bermula dari 17 hingga 18 Jun 1995.

9. Untuk makluman pihak media, persembahan ini akan di adakan dalam dua kategori iaitu pada malam 17 Jun persembahan dibuat sebagai persembahan Perdana manakala pada malam 18 Jun 1995 persembahan itu dibuka pada orang ramai.

10. Tujuan persembahan ini adalah untuk :

- ❖ Mengimbas kembali kepanduan dan inspirasi pengasas Pandu Puteri iaitu Lady Baden Powell mengenai pendidikan yang sihat dan nilai-nilai murni yang disemainya.
- ❖ Memperlihatkan kegiatan Pandu Puteri yang mampu membantu melahirkan wanita dan remaja yang berakhlak mulia, mempunyai sifat-sifat toleransi, bertanggungjawab, gigih, berkewibawaan dan saling tolong-menolong dan sayang-menyayangi;
- ❖ Meningkatkan pengalaman berkongsi, membendung perasaan dan emosi ketabahan dalam menempuh cabaran hidup.
- ❖ Menarik minat remaja untuk mendekati pergerakan ini bagi mengikuti kegiatan yang dijalankan dan undang-undang Pandu Puteri; dan
- ❖ Untuk mengutip derma bagi menjayakan program yang kami akan adakan bagi menangani masalah di kalangan remaja seperti budaya lepak, bohsia, penagihan dadah dan pelacuran.

11. Pementasan ini akan diarahkan oleh Encik Joe Hasham dari JH Production dan pengubah serta penyelaras lagu pula ialah Encik Michael Veerapen dari Scaf Production manakala koreografer ialah Encik Mahmud Haji Ibrahim yang juga Ketua Koreografer, Kompleks Budaya Negara dan Cik Aida dari Akademi Seni Kebangsaan. Cik Ramona Rahman adalah pelakon utama dalam pertunjukan tersebut.

12. Mengenai pementasan itu, ia akan dijayakan oleh Badan Teater Kelab Renjer Pandu Puteri iaitu salah satu kumpulan yang dipilih menyertai program Rakan Muda Ia akan dibantu oleh peserta daripada beberapa petubuhan kesenian dan pihak-pihak lain :

- ❖ Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan

- ❖ Kementerian Belia dan Sukan Malaysi
- ❖ Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
- ❖ Orang perseorangan yang menyumbangkan tenaga mereka secara sukarela.

13. Saya ingin menyampaikan terima kasih kepada Menteri Besar JOhOr Yang Amat Berhormat Tuan Haji Abdul Ghani Othman yang banyak merestui persembahan amal itu, selaku Mentei Belia dan Sukan dahulu.

14. Kita merancang banyak kegiatan untuk dikendaikan,oleh Kelab Renjer dan kami berharap dengan sokongan orang ramai terutama badan-badan korporat bagi mendapatkan sumber kewangan untuk membiayai kegiatan kami ini.

15. Saya berharap mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak tuan-tuan dan puan-puan untuk menghebahkan program, ini supaya menarik lebih ramai penonton hadir dalam persembahan itu.

16. Kerjasama daripaa pihak tuan-tuan dan puan-puan sangat kami hargai .